



KERTAS CADANGAN

REFORMASI MINGGU HALUAN MAHASISWA

UNIVERSITI MALAYA

SESI 2020/2021

DISEDIAKAN OLEH

KESATUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA

SESI 2020/2021

1.0 PENGENALAN

Kertas kerja ini adalah berdasarkan keprihatinan pihak ahli-ahli Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) sesi 2020/2021 dan susulan kepada cadangan pihak kami terhadap pelaksanaan Minggu Haluan Mahasiswa Universiti Malaya sesi 2020/2021.

Minggu Haluan Mahasiswa merupakan program pertama mahasiswa-mahasiswi sejak mereka melangkah masuk pintu pagar Universiti Malaya. Pelajar-pelajar baharu ini pula telah melalui satu proses pendidikan formal yang panjang, lebih kurang 12-15 tahun sebelum bergelar pelajar sarjana muda. Apabila sajian pertama yang mereka terima setelah berusaha keras untuk mencapai keputusan cemerlang bagi memperolehi kelayakan untuk menerusi pengajian di universiti terunggul di Malaysia adalah program yang sekadar mengajar mereka bersuka ria, terkinja-kinja, bersorak-sorakan dan sesi ceramah sekadar membincangkan proforma kursus atau hanya hal-hal terkait dengan universiti maka sudah tentunya mentaliti kebanyakan freshie akan terkurung.

Sejarah telah menjadi saksi bahawa mahasiswa mampu untuk mengendalikan program minggu haluan mahasiswa ini dengan memberikan pelbagai manfaat dan kebaikan kepada para freshie yang baru memasuki Universiti Malaya. Impak dari program ini ialah barisan ahli Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya bersama Pemudah Cara Mahasiswa dan para freshie dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama mereka. Penerapan nilai-nilai keberanian, kreatif, yakin diri, daya tahan dalam diri mahasiswa-mahasiswi perlu dibina bagi mencapai objektif program. Program Minggu Haluan Mahasiswa pada tahun 70-an telah memberikan kebebasan yang sepenuhnya kepada mahasiswa untuk mengendalikannya.

Namun demikian, setelah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dikuatkuasakan, pengisian-pengisian seperti pengendalian Minggu Haluan Mahasiswa ini sukar lagi untuk dilaksanakan oleh mahasiswa sendiri. Walaubagaimanapun, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah mengambil inisiatif dalam mempergiatkan usaha susulan daripada KMUM sesi lepas dalam melaksanakan Reformasi Pelaksanaan Minggu Haluan Mahasiswa Universiti Malaya sesi 2020/2021 untuk memastikan keberkesanan transformasi Minggu Haluan Mahasiswa ke arah pendidikan demokrasi yang lebih sihat pada masa akan datang.

2.0 OBJEKTIF UTAMA

- Untuk memastikan keberkesanan transformasi Minggu Haluan Mahasiswa ke arah pendidikan demokrasi yang lebih sihat pada masa akan datang.

3.0 PERNYATAAN MASALAH

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan reformasi dalam pelaksanaan Minggu Haluan Mahasiswa sesi 2020/2021 untuk menangani pelbagai masalah yang dihadapi susulan daripada Minggu Haluan Mahasiswa pada sesi lepas seperti yang berikut :

- a) Kekurangan pendedahan persekitaran kampus kepada pelajar-pelajar tahun pertama dan menjadi halangan kepada pelajar tersebut untuk menyesuaikan diri dengan kehidupan di Universiti setelah tamatnya MHS.
- b) Kekurangan pengenalan blok bangunan dan kemudahan fakulti kepada pelajar tahun pertama. sehingga menyusahkan pelajar tersebut untuk mencari lokasi dewan kuliah dan bilik tutorial setelah bermulanya minggu kuliah.
- c) Kekurangan kepekaan dan pendedahan kepada pelajar tahun pertama terhadap isu-isu semasa dalam kampus mahupun luar kampus pada peringkat pengajian tinggi.
- d) Kekurangan pemahaman pelajar-pelajar tahun pertama terhadap struktur organisasi barisan eksekutif dan peranan setiausaha berportfolio Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya.
- e) Kekurangan bimbingan yang diberikan kepada pelajar-pelajar tahun pertama untuk memahami laluan UM “shuttle bus” sehingga membawa kepada kekeliruan pelajar tersebut untuk menaiki bas setelah tamatnya MHS.

4.0 KAEDAH PENYAMPAIAN MAKLUMAT

Adalah dicadangkan bahawa segala maklumat penting program Minggu Haluan Mahasiswa sesi 2020 dapat disalurkan kepada para freshie dengan melancarkan sesebuah portal rasmi oleh pihak Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya seperti saluran Telegram, LinkedIn, dan sebagainya. Pihak KMUM juga mengambil inisiatif dalam mencipta QR code untuk disebarkan kepada pelajar-pelajar tahun pertama bagi mengakses ke dalam saluran tersebut. Dengan itu, saluran tersebut akan menjadi medium utama pihak KMUM untuk menghebahkan segala informasi terkini kepada pelajar tersebut dari semasa ke semasa.

5.0 SOP PENDAFTARAN MAHASISWA

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah mengambil inisiatif untuk mencadangkan beberapa penetapan SOP bagi sesi pendaftaran Minggu Haluan Mahasiswa:

- a) Memanjangkan tempoh masa sesi pendaftaran Minggu Haluan Mahasiswa daripada masa sehari pada sesi lepas kepada dua hari pada sesi kali ini untuk Menyusun atur kemasukan “freshie” secara berperingkat.
- b) Membahagikan para “freshie” kepada dua sesi pendaftaran setiap hari untuk memastikan penjarakkan sosial antara “freshie” dan mengelakkan “freshie” dan waris berkumpul secara beramai-ramai pada masa yang sama.
- c) Menetapkan jumlah maksima kapasiti “freshie” bagi setiap sesi pendaftaran.
- d) Barisan Eksekutif KMUM akan bertanggungjawab dalam proses pemantauan sepanjang masa sesi pendaftaran dijalankan di setiap kolej kediaman bagi memastikan proses pendaftaran adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan. Sekiranya berlaku apa-apa masalah, maka freshie boleh melaporkan secara terus kepada ahli eksekutif KMUM yang bertugas pada ketika itu.

6.0 CADANGAN SOP PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM AKTIVITI PROGRAM MINGGU HALUAN MAHASISWA

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya telah mengambil inisiatif untuk mencadangkan beberapa penetapan SOP bagi penglibatan freshie dalam aktiviti program Minggu Haluan Mahasiswa:

- a) Mengagihkan bekalan makanan dari bilik ke bilik di kolej kediaman untuk mengurangkan pergerakan mahasiswa dan mengelakkan himpunan mahasiswa pada waktu rehat dan makan.
- b) Menetapkan SOP ketat bagi solat berjemaah pada hari Jumaat di surau dan masjid.
- c) Membenarkan mahasiswa untuk bersolat dalam bilik masing-masing.
- d) Mengariskan SOP ketat dalam menetapkan laluan pergerakan freshie ke fakulti atau tempat-tempat di luar daripada kolej kediaman di bawah pemantauan barisan eksekutif Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya.
- e) Memberikan kelonggaran kepada para freshie untuk membuat pilihan dalam penyertaan aktiviti program yang dijalankan selepas jam 10 malam.
- f) Menetapkan masa tamat tentatif program harian pada jam 11.30 malam, maka segala aktiviti selepas jam 11.30 malam adalah tidak dibenarkan.

7.0 TATACARA DI FAKULTI

Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya mencadangkan agar perwakilan fakulti dapat menggariskan tatacara bagi setiap fakulti termasuk pergerakan mahasiswa di sekitar kawasan fakulti. Namun begitu, penetapan tatacara di fakulti perlu dibincang antara perwakilan fakulti bersama Dekan fakulti sebelum penetapan dibuat. Pada masa yang sama, cara pengendalian sesi fakulti sama ada secara fizikal mahupun maya adalah tertakluk kepada kesesuaian demografi fakulti masing-masing. Di samping itu, Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya turut menyarankan agar setiap perwakilan fakulti dapat memimpin dan membimbing para freshie dalam mengenali persekitaran fakulti termasuk blok-blok bangunan penting di sekitar fakulti. Pada masa yang sama, perwakilan fakulti turut diberi ruang dalam membentangkan unit-unit sekretariat di bawah KMUM fakulti untuk memperkenalkan fungsi dan peranan barisan sekretariat KMUM fakulti kepada para freshie. Namun sekiranya terdapat perwakilan fakulti yang tidak berada di kampus, maka amanah tersebut akan diserahkan kepada Persatuan Fakulti masing-masing.

8.0 SESI BERSAMA KMUM

8.1 Sesi Siaran Langsung Pengenalan KMUM

Adalah dicadangkan bahawa sesuatu sesi siaran langsung antara para freshie bersama Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya dapat dilaksanakan dengan bertempat di Dewan Tunku Canselor tanpa melibatkan kehadiran para freshie secara fizikal. Hal ini adalah bertujuan untuk memperkenalkan Majlis Tertinggi dan Setiausaha Berportfolio Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya yang berjumlah seramai 18 orang kepada para freshie. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya akan mengambil inisiatif tersebut untuk membentangkan kedudukan dan fungsi sesebuah kesatuan yang merupakan badan kepimpinan tertinggi mahasiswa/i Universiti Malaya. Pada masa yang sama, barisan kabinet Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya akan menerangkan visi dan misi KMUM kepada para freshie secara lebih lanjut pada sesi siaran langsung di Dewan Tunku Canselor.

8.2 Malam Bersama KMUM

Adalah dicadangkan bahawa sesuatu sesi antara para freshie bersama Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya dapat dilaksanakan dengan bertempat di kolej kediaman bagi memperkenalkan Jawatankuasa Reformasi Minggu Haluansiswa KMUM. Hal ini bertujuan untuk menerangkan SOP pergerakan mahasiswa serta polisi-polisi kampus kepada para freshie secara lebih lanjut pada sesi waktu malam di setiap kolej kediaman. Pada masa yang sama, Jawatankuasa Reformasi Minggu Haluansiswa

KMUM juga akan mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan saluran aduan kepada para freshie sekiranya berlaku sebarang masalah.

8.3 Forum Penerangan AUKU

Adalah dicadangkan bahawa sesuatu sesi siaran langsung antara freshie bersama ahli-ahli panel terdiri daripada ahli-ahli akademik yang bertempat di Dewan Tunku Canselor tanpa melibatkan kehadiran para freshie secara fizikal. Hal ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan secara lebih lanjut kepada para freshie mengenai garis-garis peraturan yang termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya akan mengambil inisiatif untuk mempelawa ahli-ahli akademik yang berlatarbelakangkan bidang undang-undang bagi menerangkan segala perkara yang tersenarai. Dengan itu, para freshie dapat mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti sebaik saja mereka digelar sebagai seorang mahasiswa.

8.4 Forum Perbincangan Isu Gangguan Seksual

Adalah dicadangkan bahawa sesuatu sesi forum perbincangan isu gangguan seksual antara freshie bersama ahli-ahli panel daripada All Women's Action Society (AWAM) Malaysia. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran para freshie mengenai isu gangguan seksual dan memberikan pendedahan tentang cara pengendalian yang sewajar sekiranya terlibat dengan kes gangguan seksual. Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya turut akan mengambil kesempatan ini dalam memberikan penerangan mengenai saluran pembuatan aduan kepada Unit HEPASO di bawah Portfolio Hal Ehwal Mahasiswa. Pada masa yang sama, pihak KMUM juga akan menerangkan polisi-polisi kampus yang tersenarai demi menjaga hak dan kebajikan para freshie sekiranya berlaku kes-kes seperti gangguan seksual.

9.0 CADANGAN TENTATIF PROGRAM MINGGU HALUAN MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA SESI 2020/2021

Merujuk kepada Lampiran A.

10.0 PENUTUP

Dengan terlaksananya Reformasi MHS ini, maka diyakini beberapa tahun ke hadapan, zaman kegemilangan mahasiswa-mahasiswi akan dapat tercapai.

Tidak ada tradisi yang tidak boleh dipecahkan, tradisi-tradisi program yang kurang memberikan dampak positif kepada mahasiswa ini harus dihentikan dengan segera. Sudah masanya juga pelaksanaan minggu haluan mahasiswa ini diserahkan semula kepada mahasiswa untuk mengatur dan menjayakannya.

Kami berharap bahawa Reformasi MHS ini akan memberikan manfaat yang berguna kepada mahasiswa-mahasiswa khususnya. Kerjasama semua pihak adalah diharapkan agar memastikan bahawa program ini dapat dijalankan dengan lancar dan jayanya.

Oleh yang demikian, segala kerjasama dan komitmen daripada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung saya dahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih.